

09/01/1997

Pahang kaji penempatan penduduk

Noorwati Salleh

KUANTAN, Rabu - Kerajaan Pahang akan mengkaji semula program penempatan penduduk di sepanjang sungai di negeri ini berikutan kegagalan program Skim Rumah Banjir.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata program Skim Rumah Banjir itu dilaksanakan selepas banjir besar yang melanda negara ini pada tahun 1970 dan 1971.

Beliau berkata, melalui program itu, projek perumahan berkelompok, membabitkan 13 skim dibina di kawasan tinggi, untuk menempatkan penduduk yang menjadi mangsa banjir.

Menurutnya, mereka tinggal di sepanjang Sungai Pahang seperti di Lipis, Jerantut, Temerloh, Maran dan Pekan.

"Bagaimanapun, program itu kurang berkesan apabila sebahagian besar penduduk kembali semula ke kampung asal selepas beberapa tahun," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di sini, hari ini.

Mohd Khalil berkata, tindakan itu menyebabkan kerajaan negeri terpaksa mengeluarkan perbelanjaan besar untuk menyenggarakan projek perumahan awam berkelompok dan kampung berhampiran sungai.

"Kita terpaksa menjalankan pelbagai projek, termasuk membina benteng dan membaiki jambatan untuk kemudahan kampung itu.

"Oleh itu, kita mungkin mengambil langkah meminta penduduk yang mendapat rumah melalui Skim Rumah Banjir untuk merobohkan rumah lama mereka dan memajukan tanah itu dengan tanaman komersil yang tidak boleh terjejas apabila berlaku banjir," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri memberi perhatian serius mengenai masalah itu kerana bimbang kejadian lebih buruk akan berlaku jika banjir besar melanda negara ini, seperti tahun 70-an.

"Kita mesti membuat persediaan awal dan memastikan semua penduduk di kawasan yang sering dilanda banjir dipindahkan ke kawasan lebih selamat," katanya.

Menteri Besar menyokong kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya kerajaan negeri menyekat pembinaan bangunan di sepanjang sungai dan menempatkan penduduk di kawasan lain.

(END)